

PM: Jawatan timbalan mungkin

UM 18 JUN 2003

KUALA LUMPUR 17 Jun – Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, jawatan Timbalan Presiden UMNO mungkin dicabar oleh pemimpin lain selain ketiga-tiga naib presiden yang telah pun memberi perakuan tidak akan mencabar sesiapa yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

‘Yalah, kalau mereka boleh memberi perakuan tetapi ada yang bukan naib presiden mungkin akan mencabar (pada pemilihan parti tahun depan).

‘Dalam parti, kita tak boleh tentukan, (jadi) kita tak kata tak akan ada cabaran sama sekali,’ katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Taklimat Presiden sempena Perhimpunan

Agung UMNO 2003 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Beliau ditanya pendapatnya mengenai perakuan ketiga-tiga Naib Presiden UMNO yang tidak akan mencabar sesiapa yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO pada pemilihan parti tahun depan.

Perakuan itu diberikan oleh Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhd. Taib yang semuanya menegaskan cabar mencabar bagi jawatan itu tidak timbul.

Menurut Dr. Mahathir, beliau masih berharap sesiapa yang dmamakap sebagai Timbalan

dicabar pemimpin lain

Perdana Menteri nanti tidak akan dicabar bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO.

Ini kerana, tegas beliau, jika berlaku perebutan jawatan dan menyaksikan penyandang Timbalan Perdana Menteri tewas, ia akan menyebabkan jawatan itu terpaksa diisi semula.

‘Saya harap sesiapa yang menjadi Timbalan Perdana Menteri tidak akan dicabar (bagi jawatan Timbalan Presiden UMNO). Kalau ada, susah sikit kemudian kita perlu tukar... kena tukar yang dah jadi Timbalan Perdana Menteri (iika dia kalah).

‘(Jadi) kena ambil yang ini sebab dia dah jadi timbalan presiden parti, kenalah jadi Timbalan Perdana Menteri dan seterusnya,’ katanya.

Menurut Dr. Mahathir, kebiasaannya mengikut tradisi UMNO apabila Timbalan Perdana Menteri dilantik, dia tidak akan dicabar lagi walaupun tradisi itu pernah dipecahkan.

‘Sebelum dia dipilih (sebagai Timbalan Perdana Menteri), ia akan menyaksikan pertandingan tetapi selepas dipilih, tradisinya, ia tidak akan dicabar,’ katanya.

Tegas beliau: ‘Bagi saya, apabila Datuk Hussein Onn (Tun) jadi Perdana Menteri, dia pilih saya menjadi Timbalan Perdana Menteri tetapi (waktu itu) saya tidak menjadi Timbalan Presiden UMNO.

‘Bila sampai masa untuk mengadakan pemilihan, saya dicalonkan untuk menjadi timbalan presiden parti dan tidak ada cabaran.’